

**KAJIAN TERHADAP ALAT MUZIK SERUNAI DI DALAM WAYANG KULIT DI
KELANTAN.**

MUHAMMAD FIRDHAUS BIN OTHMAN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

UNIVERSITI

2021

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP ALAT MUZIK SERUNAI DI DALAM WAYANG KULIT DI
KELANTAN.**

PELAJAR:

MUHAMMAD FIRDHAUS BIN OTHMAN

C18A0164

PROJEK PENYELIDIKAN II

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama:

Tandatangan Penyelia



MUHAMMAD FIRDAUS BIN OTHMAN



ENCIK MOHD ASAWI BIN ISA

Tarikh: 19 FEBRUARI 2022

Tarikh: 19 FEBRUARI 2022


Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Kajian Terhadap Alat Muzik Serunai Di Dalam Wayang Kulit Di Kelantan”. (MUHAMMAD FIRDHAUS BIN OTHMAN) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (Seni Persembahan).

Diterima untuk diperiksa

oleh:



MOHD ASWAWI BIN ISA
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Bachok, Beg Berkunci No. 1
18300 Bachok, Kelantan.

(ENCIK MOHD ASWAWI BIN ISA)

Tarikh: **19 FEBRUARI 2022**

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat ilahi kerana memberikan saya kesihatan yang baik dalam usaha menyiapkan tesis bagi projek penyelidikan 1 dan 2 ini dalam bentuk sebegini rupa. Kajian ini telah berjaya dilengkapkan dengan bantuan ikhlas dari beberapa pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu En. Asmawi Bin Isa yang telah banyak memberi saya dorongan dan sumbangan idea dalam membantu saya mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sepanjang penulisan kajian ini.

Terima kasih dan penghargaan juga saya ucapkan kepada En. Hamzah Bin Yusof yang menetap di Kampung Gelang Mas, Pasir Mas, Kelantan dengan tulus ikhlasnya telah sudi menjadi informan dengan memberikan maklumat dan penjelasan mengenai kajian saya ini. Selain, tidak lupa juga diucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga saya terutamanya ibu dan bapa saya yang telah banyak berjasa dan memberi dorongan serta kasih sayang kepada saya. Ribuan terima kasih juga kepada senior-senior dan kawan-kawan saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada saya selama saya menjalani projek penyelidikan ini. Alhamdulillah, akhirnya saya telah berjaya menyempurnakan dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN**MUKA SURAT****ABSTRAK**

-viii

BAB SATU**i- PENDAHULUAN**

1.0 -Pengenalan	-1
1.1 -Latar Belakang Kajian	-2
1.2 -Pernyataan Masalah	-4
1.3 -Persoalan Kajian	-5
1.4 -Objektif Kajian	-5
1.5 -Kepentingan Kajian	-6
1.6 -Skop dan Batasan Kajian	-7
1.7 -Definisi Istilah	-9
1.8 -Kesimpulan	-10

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB DUA**ii- SOROTAN KAJIAN**

2.0 -Pengenalan	-11
2.1 -Kajian Literatur	-12
2.2 Kesimpulan	-18

BAB TIGA**iii- METODOLOGI**

3.0 -Pengenalan	-19
3.1 -Reka Bentuk Kajian	-19
3.2 -Kaedah Perpustakaan	-20
3.3 -Kajian Lapangan	-20
3.3.1 -Pemerhatian	-20
3.3.2 -Temubual	-21
3.3.3 -Rakaman	-21
3.3.4 -Dokumentari	-22
3.4 -Analisis Kajian	-22

3.6 -Kesimpulan	-23
-----------------	-----

BAB EMPAT

SERUNAI KELANTAN

1.0 -Pengenalan	-24
1.1 -Jenis-jenis Serunai Di Kelantan	-24
4.1.2 Bahagian Yang Terdapat Pada Serunai Anak dan Ibu	-26
4.2 Proses-proses Pembuatan Serunai	-31
1) Mendapatkan Jenis Kayu Yang Sesuai Digunakan	-31
2) Menjalankan Proses Memotong Kayu	-32
3) Proses Pembentukan Batang Serunai	-33
4) Proses Menggunakan Pahat Pada Batang Serunai	-34
5) Proses Menggunakan Kertas Pasir	-40
6) Proses Membuat Tebukkan Dalam	-42
7) Proses Melicinkan Bahagian Tebukkan Dalam	-43
8) Membuat Lubang Pada Batang Serunai	-44
9) Proses Membuat Kecopong	-45
10) Membuat Tebukkan Dalam Pada Bahagian Kecopong	-45

11) Proses Ukiran Pada Permukaan Batang Serunai	-46
12) Proses Mewarna Pada Serunai	-47
13) Pemasangan Menali, Pipit dan Penumpu Pada Batang Serunai	-58
14) Mencuba Alat Muzik Serunai Yang Dihasilkan	-49
4.3 Fungsi Serunai Dalam Wayang Kulit	-50
4.4 Kesimpulan	-53

BAB LIMA

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 -Perbincangan	-54
5.1 -Cadangan Memperkenalkan alat muzik Serunai	-54
5.2 -Kesimpulan	-58

BIBLIOGRAFI

-59

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang alat muzik tradisional iaitu serunai yang menjadi identiti dan *cultural expression* kepada masyarakat melayu dalam hiburan tradisi. Dalam kajian ini, antara aspek yang diteliti adalah dari segi jenis-jenis serunai yang terdapat di Kelantan sahaja. Selain itu turut memfokuskan kepada proses-proses pembuatan serunai. Bermula dari pemerhatian dan pendedahan alam sekeliling sehingga menggunakan sumber-sumber alam semulajadi dari hutan untuk dijadikan alat muzik serunai. Di samping turut memberi tumpuan terhadap fungsi alat muzik dalam wayang kulit Kelantan. Semangat alam serta kepercayaan khurafat selalu dikaitkan oleh masyarakat terdahulu dalam penggunaan alam muzik dalam hiburan mahupun pemujaan serta upacara khas. Muzik tradisional serunai adalah digunakan masyarakat terdahulu sebagai alat yang menunjukkan emosi perasaan dan *escapism* yang mencetuskan keseronokan, seterusnya dijadikan sebagai perhat jiwa dan batin. Oleh itu, jelaslah bahawa alat serunai merupakan alat penghubung hubungan antara manusia dan pencetus budaya terlahir daripada masyarakat yang kreatif pemikirannya dalam membina budaya yang dicipta atas tangan sendiri..

ABSTRACT

This study discusses the traditional musical instrument, namely the Serunai, which is the identity and cultural expression of the Malay community in traditional entertainment. In this study, among the aspects examined are in terms of the types of Serunai found in Kelantan only. Apart from that, it also focuses on the Serunai making processes. Starting from observation and exposure to the environment to using natural resources from the forest to be used as a Serunai musical instrument. In addition, it also focuses on the function of musical instruments in Kelantan puppets. The spirit of nature and superstitious beliefs have always been associated by earlier societies in the use of the realm of music in entertainment as well as worship and special ceremonies. The traditional music of the Serunai was used by the earlier society as a tool to show the emotions of feelings and escapism that triggered pleasure, then used as a soul and inner relaxation. Thus, it is clear that the Serunai is a connecting tool between human beings and cultural triggers born of a society that is creative in its thinking in building a culture created with its own hands.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Di Malaysia, terdapat pelbagai jenis alat muzik tradisional yang berbeza, yang dimainkan mengikut panorama tertentu dan menjadi fungsi utama alat hiburan. Gabungan irama dan ton tulen yang terdapat pada alat tradisional menjadikan melodinya begitu istimewa. Latar belakang yang unik dan menarik mampu memikat hati sesiapa sahaja dengan bunyinya yang kedengaran klasik.

Serunai merupakan alat muzik tradisional yang perlu dimainkan untuk menghasilkan bunyi. Alat tiup ini mempunyai burung pipit berlapis dengan empat lapis daun yang diperbuat daripada daun lontar kering. Sementara itu, pemegang pipit terdiri daripada tiub logam yang dipasang di atas badan serunai. Badan serunai diperbuat daripada kayu keras dan mempunyai bentuk tirus dengan tapak berbentuk loceng. Badannya boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, dan terdapat tujuh lubang di bahagian belakang badan serunai.

Alat serunai masih digunakan sehingga kini, iaitu sebagai muzik iringan, khususnya dalam persembahan Wayang Kulit. Semestinya alat serunai

tradisional tidak lapuk dalam hujan, tidak lapuk dek panas, kerana masih ada peminat muzik tradisional yang bergelut untuk irama tersebut.

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (2009), di dalam buku yang berjudul *Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia*, alat tiup jenis serunai yang dikatakan berasal dari Parsi. Tetapi di Asia Tenggara, perkembangan awal dianggap bermula dengan pengaruh Hinduisme, yang mendahului sebelum kemunculan Islam. Para pendeta Hindu membawa bersama-sama peralatan muzik untuk menjalankan kegiatan dakwah agama mereka di rantau ketika itu. Oleh itu, nama bagi alat serunai ini adalah berasaskan dari perkataan Parsi iaitu 'nay' yang bermaksud tiup.

Menurut Profesor Mohamed Ghouse Nasuruddin (2000), di dalam bukunya *Alat Muzik Tradisional: Daya Dan Bunyi*, menyatakan serunai adalah terkandung di dalam kategori shawns iaitu mempunyai dua keping pipit (double reed) dan berukuran antara 12-28 inci Panjang. Alat muzik serunai ini dikatakan diperbuat daripada kayu, batang lada, lebam atau nangka. Serunai terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu kepala, batang dan pipit. Manakala pipit pula diperbuat daripada daun lontar. Selain itu, terdapat juga lapan lubang petik, iaitu tujuh di atas bahagian serunai dan satu dibawah bahagian serunai. Alat muzik ini juga

turut dihiasi dengan ukiran halus dan dilorekkan dengan pelbagai warna yang menarik. Serunai juga merupakan alat melodi yang penting di dalam persembahan Wayang Kulit Kelantan.

Oleh itu, terdapat dua jenis serunai di Kelantan, masing-masing mempunyai perbezaan dari segi saiznya. Begitu juga dengan Serunai Silat dan Serunai Wayang Kulit terutamanya serunai di Kelantan yang dikatakan mempunyai sedikit perbezaan dari segi saiz dan ukuran panjangnya. Dilihat dari segi proses-proses pembuatan serunai pula adalah sama sahaja, namun yang membezakan kedua-dua jenis serunai adalah saiz dan fungsi serunai tersebut. Dalam pada itu, hanya tukang-tukang yang betul-betul berkemahiran sahaja yang mampu menghasilkan serunai yang boleh mengeluarkan bunyinya.

Selain itu, fungsi setunai dalam muzik tradisi di Malaysia amatlah besar. Menurut Alan P. Meriam (1964 : 224-225), beliau memberikan tiga fungsi yang amat penting muzik di dalam masyarakat melayu iaitu:

“enforcing conformity to the social norm, validating social institutions and religious ritual, and contributing to the continuity and stability of culture”.

Muzik akan mengukuhkan nilai normatif masyarakat, institusi sosial dan ritual keagamaan serta menyumbang kepada kesinambungan dan kestabilan budaya. Beliau juga bersetuju bahawa setiap komuniti mempunyai aktiviti yang menggunakan muzik untuk melibatkan dan

menyatukan ahli masyarakat. Berdasarkan sudut pandangan ini, adalah sangat penting untuk menyatakan fungsi serunai dari perspektif tradisional, pendidikan dan kontemporari.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan serunai mempunyai pengaruh yang besar terhadap tradisi muzik tradisional Malaysia. Selain berperanan sebagai pembawa melodi dalam pelbagai genre muzik, ia juga digunakan untuk tujuan mengiringi pembesar negara dalam perarakan. Serunai tidak terhad kepada koleksi lagu tradisional, ia juga boleh memainkan lagu-lagu terkini mengikut melodi lagu yang akan dimainkan.

1.2 Pernyataan Masalah

Pada pandangan pengkaji, generasi muda hari ini adalah tidaklah mengetahui akan jenis-jenis serunai yang terdapat di Kelantan, malah mereka hanya melihat dan mendengar bunyinya sahaja tanpa membezakan jenis serunai yang dimainkan terutamanya dalam persembahan Wayag Kulit Kelantan. Dalam pada itu, generasi muda hari ini dilihat kurang mengetahui tentang proses-proses pembuatan serunai. Alat muzik serunai yang mempunyai reka bentuk yang unik, menarik dan dihiasi dengan ukiran dan bagaimana ia dihasilkan sehingga menjadi sebegitu rupa langsung tidak diketahui oleh generasi muda. Selain itu, pengkaji juga turut berpandangan bahawa generasi muda hari ini gagal menyatakan fungsi alat muzik serunai dalam muzik Wayag Kulit. Oleh

itu, satu kajian berkenaan dengan alat muzik serunai terutamanya di Kelantan perlu dilakukan. Semoga dapatan dalam kajian ini boleh memberikan pendedahan yang mendalam serta berguna kepada generasi muda hari ini.

1.3 Persoalan kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa persoalan yang berkenaan dengan tajuk kajian :-

- 1.3.1 Apakah jenis-jenis serunai yang terdapat di Kelantan ?
- 1.3.2 Apakah proses-proses pembuatan serunai ?
- 1.3.3 Apakah fungsi-fungsi serunai dalam Wayang Kulit ?

1.4 Objektif kajian.

Objektif kajian ini adalah untuk :

- 1.4.1 Menenal pasti jenis-jenis serunai yang terdapat di Kelantan.
- 1.4.2 Mengkaji proses-proses pembuatan serunai.
- 1.4.3 Mengetahui fungsi serunai dalam Wayang Kulit

1.5 Kepentingan kajian.

Kajian ini bertujuan untuk meninjau jenis serunai yang terdapat di Kelantan, memahami bagaimana proses pembuatan seruling dilakukan, dan menonjolkan keupayaan serta fungsi serunai di dalam Wayang Kulit. Justeru, ia amat penting bagi generasi muda hari ini yang dikatakan kurang pengetahuan tentang alat muzik serunai khususnya di Kelantan yang boleh dilihat dari semua segi aspek.

Terdapat juga dari segi aspek organologikal yang turut diberi perhatian. Merriam (1964: 45) mencadangkan dalam membuat kajian ke atas sesuatu alat muzik, tiap-tiap satu bahagian perlulah diukur dengan tepat dan jelas serta diambil gambarnya. Keterangan melalui alat tersebut mestilah mengikut prinsip pembentukannya, bahan yang digunakan dan begitu juga dengan corak perhiasannya. Selain itu, peranan serunai juga dikaitkan dalam fungsi muzik tradisional dan kontemporari. Manakala kaedah yang digunakan pula ialah pendekatan secara kualitatif iaitu melalui penggunaan teknik pemerhatian, temubual dan juga bukti dokumen untuk mengutip, mengumpul dan menganalisis data. Pernyataan di atas jelas memberikan penerangan yang penting bagi

kajian terhadap serunai, ia amat membantu pengkaji dalam melengkapkan lagi kajian yang akan dilakukan.

Diharap melalui dapatan kajian ini, dapatlah membantu dalam usaha mendapatkan maklumat penting dan terperinci yang berkaitan dengan alat muzik tradisional serunai di Kelantan yang dikaji dari sudut jenis-jenis serunai, proses-proses yang digunapakai dan juga fungsi serunai dalam Wayang Kulit khususnya.

1.6 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini lebih memfokuskan kepada jenis-jenis serunai yang terdapat di Kelantan sahaja tanpa melibatkan jenis-jenis serunai di setiap negeri di Malaysia. Alat muzik serunai di Kelantan mempunyai dua jenis dan bukannya terbatas kepada satu jenis sahaja. Selain itu, skop kajian juga melihat kepada proses-proses pembuatan serunai yang dilakukan oleh petukang pada hari ini. Di samping itu, turut memberi tumpuan terhadap fungsi serunai dalam Wayang Kulit.


Umum mengetahui bahawa negeri Kelantan mempunyai beberapa daerah tertentu dan setiap daerah mempunyai pengusaha atau pembuat alat muzik surunai yang berkemungkinan mempunyai

kepakaran, berkemahiran tinggi dan mempunyai cara tersendiri dalam usaha mereka untuk menghasilkan pelbagai jenis serunai.

Oleh itu, pengkaji menghadkan kawasan kajiannya di Kampung Gelang Mas, 17010 Pasir Mas, Kelantan.



Peta Kelantan



Peta Jajahan

1.7 Definisi Istilah

Tajuk kajian pengkaji ialah Alat Muzik Tradisional Serunai Kelantan Di Dalam Wayang Kulit. Dalam konteks Melayu tradisional, maksud muzik ialah bunyi berstruktur yang dihasilkan oleh geseran, ketukan, ketukan dan tiupan dua atau lebih objek bergerak yang bersentuhan. Oleh kerana bunyi-bunyinya tersusun, terdapat pelbagai jenis muzik yang mengenali pengaruh persekitaran pencipta muzik (Mohd Nasir, 2000: 34). Dalam hal ini, muzik yang dimaksudkan hanyalah serunai Kelantan. Pengertian alat muzik ialah alat yang menghasilkan bunyi terutamanya bunyi muzik.

Dari sudut persembahan seni tradisional Melayu, perkataan muzik tidak pernah dirakamkan dalam mana-mana sumber tradisional khususnya dari sudut kesusasteraan lisan. Pemahaman yang paling asas boleh didapati daripada teks-teks kesusasteraan Melayu tradisional. Dalam konteks Kerajaan Melayu Melaka, kita boleh memetik Sejarah Melayu (A. Samad. Peny. 1983) dan Hikayat Hang Tuah (Kassim, peny. 1966). Sebagai contoh, disebut "bunyi alat tertentu seperti gendang, nobat, trompet dan nagara" (Kassim Ahmad, ed. 1966: 91). Dapat difahami bahawa beberapa alat bunyi ialah gendang (dipalu) dan nafiri atau trompet (tiup). Justeru, gabungan alat "bersuara" menghasilkan irama yang boleh diklasifikasikan sebagai bunyi yang bersesuaian dengan maksud muzik seperti yang kita fahami hari ini.

Walaupun perkataan "tradisi" boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang diwarisi dari satu zaman ke zaman yang lain, dari satu generasi ke generasi yang lain, dan mungkin juga dari zaman dahulu, ia masih dipertahankan, diamalkan, dan dihormati oleh orang-orang kontemporari (Sheppard, 1990: 1- 2).

Menurut Mohd Taib Osman (1984: 204), muzik tradisional ialah muzik yang telah wujud secara turun temurun dengan menggunakan beberapa alat dan ciri-ciri yang berasaskan Asia Tenggara.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini akan memberi kesinambungan warisan kesenian sebagai rujukan generasi muda masa kini untuk memahami alat muzik tradisional di Kelantan, yang boleh dilihat dalam pelbagai aspek seperti meneliti dan mengenalpasti jenis serunai, mengkaji proses-proses pembuatan serunai dan mengetahui fungsi serunai dalam wayang kulit

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian atau kajian lepas ialah kajian semula penyelidikan baharu yang dijalankan ke atas maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, dokumen (laporan, prosiding persidangan), disertasi, dan penyelidikan lepas. Proses ini adalah untuk menentukan sama ada penyelidik lain telah pun menjalankan kajian yang dirancang.

Oleh itu, tujuan utama kajian literatur adalah untuk mengelakkan pengkaji daripada membuat kajian yang sama seperti kajian lepas tanpa menambah baik dan menambah baik kelemahan kajian lepas. Kajian literatur juga sangat membantu dalam menentukan tahap persetujuan dan konsensus di kalangan penyelidik sebelum mengenal pasti penyelidikan yang sedang dijalankan. Malah ia boleh dijadikan panduan kepada usaha reka bentuk kajian, selain membantu mendapatkan maklumat cadangan kajian lanjutan berdasarkan saranan pengkaji yang terdapat dalam kajian lepas.

Berdasarkan kajian pengkaji iaitu Kajian Terhadap Alat Muzik Serunai di Dalam Wayang Kulit Di Kelantan, pengkaji terlebih dahulu perlu mencari dan mendapatkan tinjauan literatur bertujuan membentuk kerangka kajian

lanjutan. Ia juga membolehkan penyelidik mendapat gambaran yang lebih awal dan jelas tentang fokus dan skop penyelidikan yang boleh dijalankan. Ternyata kajian literatur memainkan peranan penting dalam membimbing pemerolehan lebih banyak pengetahuan dan membina idea dalam penyelidikan yang dijalankan.

2.1 Kajian Literatur

Berdasarkan tesis “Teknik Permainan Serunai Dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran Muzik Tradisional Wayang Kulit Kelantan: Satu Kajian Kes”, oleh Kamaruddin Yusuff (2008). Melalui tesis tersebut, terdapat kenyataan mengenai sukatan pelajaran muzik Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bertujuan untuk meluaskan pengalaman muzik dan kesedaran estetika pelajar. Salah satu fokus kursus tersebut ialah Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Muzik Tradisional (2004), Tingkatan Satu dan Empat, dan objektif keempat ialah Penghayatan Estetika dalam bahagian Hasil Pembelajaran (4.1, Mengenal pasti gubahan dan persembahan muzik Malaysia). Antaranya, muzik ensemble Wayang Kulit sebagai muzik rakyat yang perlu dipelajari dan dihayati. Muzik ensemble. Serunai merupakan alat melodi utama dalam susunannya.

Turut dinyatakan lagi, muzik tradisional Melayu kini diajar melalui dua acara iaitu yang pertama belajar sambil membuat persembahan dan yang kedua belajar sebelum membuat persembahan.

Cara pertama, pengajaran dan pembelajaran muzik tradisional memperlihatkan penurunan kemahiran bermain alat-alat muzik daripada generasi tua ke generasi muda secara tradisi oral melalui kaedah 'rote teaching' (Matusky 1985). Kaedah ini memerlukan pelajar mengimitasi Teknik permainan daripada ahli kumpulan yang lebih berpengalaman. Pengajaran dan pembelajaran wujud apabila seseorang mengamalkan sesuatu kemahiran bermain alat-alat dalam satu-satu ensembel. Pelajar mula belajar irama asas melalui permainan alat-alat idiofon dan kemudiannya melanjutkan pengetahuan ke irama yang lebih kompleks serta bertingkah secara berperingkat daripada permainan alat geduk, gedombak hingga ke alat-alat gendang (Matusky 1993). Alat erofon (serunai) selalunya dipelajari setelah mereka menguasai kemahiran-kemahiran yang tersebut di atas.

Cara kedua ialah belajar sebelum membuat persembahan. Cara ini banyak diamalkan dalam pengajaran joget gamelan. Mengikut D'Cruz (1979), permainan muzik tradisional khususnya muzik gamelan dilatih secara sistematik dalam jangka masa yang panjang sebelum pelajar dibenarkan membuat persembahan. Masa yang panjang diperlukan untuk pelajar menguasai kemahiran meniup dengan menggunakan teknik-teknik dan kaedah-kaedah tertentu.

Dari segi penguasaan kemahiran irama, terdapat dua peringkat iaitu peringkat pertama memerlukan pelajar menguasai kemahiran irama asas dan peringkat kedua memerlukan pelajar menguasai kemahiran irama yang lebih kompleks dalam irama bertingkah. Menurut Gordon (1968), kemahiran membaca dan 'merasa' corak irama juga merupakan

faktor asas penting dalam penghayatan muzik yang bermutu. Namun begitu, dalam pengajaran dan pembelajaran teknik dan kaedah meniup serunai tidak memerlukan kemahiran membaca. Tetapi kemahiran ‘merasa’ corak irama, rentak lagu, melodi serta gongan sememangnya asas kepada pembelajaran serunai. Untuk memastikan pelajar mempelajari kemahiran irama, rentak lagu, melodi dan gongan, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru atau tenaga pengajar luar menjadi faktor penting.

Selain itu, dalam meneliti aspek yang berkaitan dengan tajuk Alat Muzik Tradisional Serunai Kelantan, beberapa penyelidik telah mengemukakan pendapat mereka. Menurut (Mohd Nasir 2000: 34), pengertian muzik dalam konteks tradisional melayu ialah bunyi tersusun yang dihasilkan dari gesekan, ketukan, pukulan dan tiupan yang dikeluarkan dari sentuhan dua atau lebih benda yang bergerak. Kerana bunyi itu disusun, maka terjadilah beraneka muzik yang beridentitikan pengaruh alam sekeliling pencipta muzik itu.

Dalam konteks kajian ini, (Sheppard, 1990: 1-2) turut menyatakan bahawa muzik yang dimaksudkan ialah muzik-muzik dalam ensemble Wayang Kulit Kelantan sahaja. Perkataan tradisional *rote-teaching* boleh ditakrifkan sebagai sesuatu perkara yang diwarisi dari satu zaman ke satu zaman yang lain dan dari satu generasi ke satu generasi yang terdahulu dan mungkin zaman dahulu kala serta masih dipertahan dan diamalkan serta dihormati oleh generasi sekarang.

Menurut Merriam (1964: 224-225), serunai ialah sejenis alat muzik tiupan tradisional yang terkenal di negeri Kelantan. Fungsi serunai dalam muzik tradisi di Malaysia amatlah besar. Beliau telah memberi tiga fungsi penting muzik dalam masyarakat dengan menyebut: *“enforcing conformity to the social norm, validating social institutions and religious ritual, and contributing to the continuity and stability of culture”*. Muzik akan menguatkan nilai-nilai norma dalam masyarakat, institusi social dan ritual keagamaan serta menyumbangkan kesinambungan dan kestabilan kebudayaan.

Berdasarkan kepada pendapat ini, ia sangat penting untuk menyatakan fungsi serunai dari segi aspek tradisional, pendidikan dan kontemporari. Serunai berfungsi sebagai alat melodi utama dalam muzik-muzik ensemble wayang kulit, gendang silat, makyong, mek mulung, menorah dan main puteri. Serunai juga digunakan dalam muzik-muzik tarian seperti tarian asyik, terinai, wau bulan, dan taridra. Dari sudut industri muzik pula, penggunaan serunai tidak lagi dianggap pelik dan sumbang kerana telah ada lagu-lagu yang bercorak irama Malaysia dan kontemporari menggunakan serunai sebagai adunan muziknya. Sebagai contoh, lagu Semerah Padi ciptaan M. Nasir, menggunakan serunai sebagai muzik pengenalan.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti jenis-jenis, proses-proses dan juga fungsi sebenar alat muzik Serunai Kelantan. Oleh itu, menurut Hilarian (2003: 2-4) yang membuat kajiannya ke atas gambus dari perspektif dunia Melayu, beliau menyatakan bahawa corak migrasi dari aspek geografi serunai diberitahu untuk mendapatkan satu gambaran

jelas tentang bagaimana urutannya sehingga menjadikan serunai salah satu alat muzik bermelodi yang penting dalam beberapa ensemble tradisional di Malaysia.

Merriam (1964: 45) mencadangkan dalam membuat kajian ke atas sesuatu alat muzik, tiap-tiap satu bahagian mestilah diukur dengan tepat dan diambil gambarnya. Penerangan alat ini mestilah mengikut prinsip pembentukannya, bahan yang digunakan dan corak perhiasannya. Kaedah dan teknik persembahan, muzikal, ton dan penggunaan teoritikal yang digunakan juga disebut. Peranan serunai juga dikaitkan dalam fungsi muzik tradisional dan kontemporari. Selain itu, Mohamed Ghouse juga berkata,

“Ketika ini hamper semua pemain muzik tradisional adalah orang yang lewat umur. Tidak terdapat barisan pelapis di kalangan anak-anak mudak kerana kebanyakan muda-mudi lebih tertarik dengan muzik barat yang lebih popular daripada muzik tradisional. Keadaan ini berlaku kerana pengaruh muzik barat telah menyerap ke da la cara hidup masyarakat Malaysia akibat daripada pengaruh media elektronik dan media cetak serta peranan saluran Pendidikan yang menggalakkan pengajian muzik barat”. (Ghouse: Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal Abad ke-21, 1994 : 6-9)

Situasi ini diperkuat lagi oleh Ariff (1990: 4-5) yang menyebut bahawa kurangnya pemuzik-pemuzik yang boleh memainkan alat-alat muzik yang digunakan untuk persembahan lagu-lagu tradisional. Keadaan ini akan bertambah lebih buruk lagi dari semasa ke semasa jika dibiarkan berterusan. Generasi-generasi akan datang langsung tidak akan berpeluang untuk mendengar dan mengenali apakah dia tradisi muzik asli mereka. Dalam konteks ini alat serunai juga tidak terkecuali menerima nasib yang sama.

Menurut jurnal "*Alat Muzik Dan Lagu Dalam Muzik Mek Mulung*" oleh Toh Lai chee, Serunai diklasifikasikan sebagai alat erofon berpipit berkembar dan dibuat daripada kayu. Bunyi serunai dihasilkan melalui udara yang bergetar di dalam badan serunai yang berbentuk tiub. Serunai ditiup dengan menggunakan pemipit. Melodi serunai pula dihasilkan melalui penjarian dan teknik pernafasan yang berpanjangan dan berterusan diperlukan untuk meniup serunai. Serunai berfungsi sebagai alat pembawa melodi dan dimainkan dalam lagu instrumental pada bahagian prolog dan cerita.

Menurut jurnal *Idiosyncratic Aspects of Malaysian Music: The Roles of the Kompang in Malay Society*, oleh Mohd Hassan Abdullah, *some of the musical instruments used in the Wayang Siam are similar to the Siamese instruments used in the Nang Talung shadow theatre such as geduk (barrel drum), gedombak (hourglass drum) and serunai (double-reed oboe).*

2.2 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kajian literatur adalah rumusan literatur yang ditulis oleh pengkaji bertujuan untuk menerangkan maklumat dan penyelidikan semasa dan yang terdahulu. Kajian literatur disusun mengikut topik dan laporan kajian mengikut tema atau kajian individu. Kajian literatur juga adalah dokumentasi yang diperlukan dalam proposal kajian di dalam bab ini. Oleh itu, perbezaan pandangan daripada para pengkaji terdahulu membolehkan pengkaji memahami topik kajian secara menyeluruh. Pandangan-pandangan ini dapat dijadikan garis panduan supaya pengkaji dapat memfokuskan secara spesifik. Sorotan kajian ini membantu memberi maklumat kepada pengkaji berkaitan alat muzik tradisional Serunai Kelantan dan ia amatlah berkesan serta bertepatan dengan itu.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, kajian akan memfokuskan kepada reka bentuk kajian, sumber data, kaedah pengumpulan data, dan prosedur yang digunakan untuk menganalisis data. Kaedah penyelidikan merujuk kepada teknik yang paling sesuai untuk menjalankan penyelidikan dan mengenal pasti prosedur yang berkesan untuk menjawab soalan kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif, iaitu kajian yang menggunakan analisis data untuk meneliti ciri-ciri kajian. Setiap ciri yang ditemui akan dikenal pasti dan diperincikan. Ia juga merupakan satu bentuk mengumpul, menganalisis dan mentafsir cerita dan data visual untuk memahami fenomena tertentu.

Untuk mendapatkan maklumat dan data tentang kajian ini, pengkaji telah membangunkan rangka kerja yang terdiri daripada kaedah yang dipilih semasa kajian dijalankan. Kaedah yang digunakan termasuk

teknik pengumpulan data sekunder dan primer, termasuk pemerhatian, temu bual, kepustakaan, kajian lapangan dan dokumentari. Selain itu, prosedur analisis data digunakan setelah pengkaji memperolehi semua maklumat daripada teknik pengumpulan data. Pengkaji akan menjalankan kajian mengikut kaedah kajian bagi mendapatkan objektif kajian.

3.2 Kaedah Kepustakaan

Pengkaji telah menjalankan kaedah pustaka dengan meneliti dan menyelidik penulisan-penulisan tokoh berkenaan dengan alat muzik tradisional serunai Kelantan. Selain itu juga, pengkaji telah mendapatkan sumber dari penulisan akademik bagi mendapatkan sumber maklumat berkenaan dengan tajuk kajian. Pengkaji juga menggunakan sumber rujukan dari artikel-artikel, majalah, dan juga jurnal yang berkaitan dengan alat muzik serunai di Kelantan.

3.3 Kajian Lapangan

3.3.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang paling penting sehingga kajian selesai. Pengkaji akan bermula dengan

melihat jenis serunai yang terdapat di Kelantan, juga melihat proses-proses pembuatan serunai dijalankan. Pada masa yang sama, pengkaji juga turut membuat pemerhatian bagi memastikan lokasi kajian yang dipilih.

3.3.2 Temubual

Dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan pelbagai kaedah penyelidikan untuk mendapatkan hasil berdasarkan matlamat yang dinyatakan. Salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah temu bual. Kaedah temuduga dijalankan di Kelantan sahaja. Kajian temubual ini dijalankan oleh pengkaji kepada seseorang yang mahir dalam bidang tertentu terutamanya dalam penghasilan alat muzik serunai. Sebagai contoh adalah pengusaha-pengusaha serunai di sekitar Kelantan, orang awam, dan sebagainya.

3.3.3 Rakaman

Pengkaji juga akan menjalankan kaedah fotografi untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas dan terperinci tentang cara instrumen serunai tradisional dibuat. Dalam kaedah kajian ini, pengkaji akan menggunakan gambar-gambar sebagai

rujukan untuk memudahkan bagi pengkaji menjalankan kajian mereka berkenaan tajuk yang diberi.

3.4 Dokumentari

Bagi meneliti, menganalisa, dan mengenalpasti rujukan kajian berkenaan alat muzik serunai dengan lebih lanjut, pengkaji menggunakan kaedah kajian melalui internet. Penggunaan kaedah internet ini telah membantu pengkaji bagi memudahkan untuk mencari maklumat mengenai apa sahaja yang berkaitan dengan serunai Kelantan. Laman web yang digunakan adalah berkaitan dengan pelbagai jenis serunai, proses-proses penghasilan serunai dan sebagainya. Beberapa laman web berkaitan dengan pembuatan serunai dilayari bagi mendapatkan maklumat yang jitu dan tepat, sumber dari internet tidak dimasukkan terus di dalam kajian penyelidikan tetapi hanya sekadar dijadikan sebagai bahan rujukan.

3.5 Analisis Kajian

Setelah semua data dikutip, data akan dikumpul kerana penyelidik akan menjalankan analisis data. Dalam analisis

kajian, pengkaji juga akan mengkaji beberapa alat muzik berkaitan serunai keluaran Kelantan. Kajian juga merujuk kepada jenis serunai yang terdapat di Kelantan dan proses pembuatannya.

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian alat serunai Kelantan di dalam wayang kulit merupakan kajian yang memerlukan pelbagai kaedah dan pendekatan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan jelas. Kaedah ini penting untuk penyelidik membuat rujukan yang lebih fokus dan terperinci. Dengan pelbagai kaedah, pengkaji lebih mudah mengkaji jenis serunai Kelantan, memahami proses penghasilannya, serta mendapatkan fungsi sebenar serunai Wayang Kulit Kelantan.

BAB 4

SERUNAI KELANTAN

4.0 PENGENALAN

Alat muzik tradisional Serunai Kelantan mempunyai reputasi yang lama dan iramanya bergema sejak berkurun lamanya. Kesenian dan keunikan alat Serunai terletak pada kebolehan intuitif mereka, kepintaran yang wujud, dan ketukangan tukang sendiri yang menggunakan kaedah tradisional untuk menghasilkan alat seperti serunai.


Menurut Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (2009) dalam bukunya “Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Malaysia”, beliau menyatakan bahawa di negara kita terdapat pelbagai jenis serunai yang digunakan secara ensembel untuk mengiringi Wayang Kulit, Menora, Silat, Tarian Istana, dan Rakyat dan Nobat Diraja. Serunai mampu mengeluarkan nadanya dalam bentuk muzik, walaupun terdapat perbezaan yang halus dari segi jenis, saiz, bentuk dan hiasan, ia tetap dicipta berdasarkan prinsip akustik yang sama menggunakan bahan asas, tebuk dalaman masih "kun" dan berkomunikasi dengan bentuk luar Tebuk selari (lubang selari), seperti ensembel Wayang Kulit di Kelantan. Pada masa yang sama, serunai juga memainkan peranan sokongan terbesar, terutamanya dalam tradisi muzik rakyat dan gelanggang.

4.1 Jenis-jenis Serunai di Kelantan

Hamzah Bin Yusof (2022). 75 tahun, temubual bersama beliau di rumahnya di Kampung Gelang Mas, 17010 Pasir Mas, Kelantan pada 11 Januari 2022. Hamzah Bin Yusof yang ataupun dikenali sebagai dengan Pak Hamzah merupakan pengusaha

serunai yang diiktiraf dan diakui oleh masyarakat setempat. Kebolehan beliau membuat serunai diwarisi daripadanya ayahnya yang juga merupakan tukang pengusaha serunai di kawasan itu. Menurut Hamzah Bin Yusof (2022), beliau menjelaskan bahawa terdapat dua jenis serunai yang berkembang di negeri Kelantan. Alat serunai dicipta secara berpasangan dalam dua saiz yang berbeza, iaitu dikenali sebagai:

1) Serunai Ibu




Gambar 4.1: Jenis Serunai Ibu

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Dalam konteks fizikal, serunai ibu mempunyai ukuran yang lebih besar, manakala pic suaranya pula adalah lebih rendah berbanding serunai anak. Ianya bersesuaian untuk memainkan lagu-lagu iringan tanpa ‘vokal’ seperti lagu ‘Silat’ atau lagu-lagu ‘kerekktor’ dalam *repertoire* Wayang Kulit Kelantan seperti lagu ‘Hanuman’ mahupun lagu ‘Rawana’ dan sebagainya.

2) Serunai Anak



Gambar 4.2: Jenis Serunai Anak

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Digunakan untuk mengiringi vokal di dalam Wayang Kulit Kelantan oleh Tok Dalang mengikut penceritaanya yang akan disampaikan. Manakala pic suaranya pula adalah lebih tinggi berbanding serunai ibu.

4.1.1 Bahagian yang terdapat pada serunai ibu dan anak.

i- **Kecopong**



Gambar 4.3: Bahagian kecopong

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Menurut Hamzah Bin Yusof (2022), kecopong merupakan bahagian corong hujung serunai yang dibuat berasingan dari bahagian batang atau satu unit berasingan. Bahagian kecopong adalah dipasangkan secara tidak kekal pada batangnya. Terdapat dua jenis tebukkan pada kecopong iaitu tebukkan dalaman yang luas digunakan untuk memainkan kategori 'lagu semasa' yang begitu sesuai bagi persembahan Wayang Kulit di Kelantan, manakala bagi kecopong yang mempunyai tebukkan dalaman yang sempit akan menghasilkan suara yang tua dan ideal serta sesuai digunakan untuk memainkan lagu-lagu yang bersifat tradisional.

Bahagian kecopong berfungsi sebagai alat *megaphonic* iaitu untuk meningkatkan ataupun untuk membesarkan (*amplify*) suara sesebuah serunai itu. Biasanya kecopong diperbuat daripada kayu-kayu

yang ringan dan sesuai seperti kayu angsana, nangka, manggis batang duri dan sebagainya. Kemudian diukir dengan pelbagai motif alam seperti pucuk rebung, awam larat dan sebagainya.

ii- **Batang serunai**



Gambar 4.4: Bahagian batang serunai

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Bahagian batang serunai diperbuat dari kayu nibong, batang kelapa, manggis ataupun halban. Pada permukaan batang serunai ini terdapat tujuh unit lubang pemetik dan satu lubang jerit yang terletak di sebelah bawah. Lubang petik ini adalah berfungsi untuk membentuk nada bunyi yang diinginkan oleh pemuzik serunai. Malah terdapat juga

tebukkan dalaman yang bertindak sebagai saluran udara atau *air passage* dan berbentuk 'kun', ia adalah bersifat universal bagi alat dari keluarga *shawm* yang terdapat di seluruh dunia. Kemudian pada bahagian pangkal dan hujungnya juga diukir dan diwarnakan. (Hamzah Bin Yusof, 2022).

iii- **Menali / Mali**



Gambar 4.5: Bahagian menali/ mali

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Menali berbentuk 'kun' dan diperbuat daripada kepingan tembaga atau kepingan logam yang dipetrikan. Menali terletak pada bahagian atas yang berfungsi sebagai penghubung antara pipit dengan batang serunai. Menali juga diistilahkan sebagai *reed carrier* (Hamzah Bin Yusof, 2022).

iv- Penumpu

Gambar 4.6: Bahagian penumpu

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Penumpu terletak pada bahagian atas di antara pipit, menali dan batang serunai. Penumpu diperbuat daripada bahan tembaga atau kepingan logam yang dibentuk bulat (Hamzah Bin Yusof, 2022).

v- Pipit

Gambar 4.7: Bahagian pipit

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Pipit merupakan bahagian teratas yang berperanan penting untuk menghasilkan suara ataupun sounding source bagi serunai. Pipit akan berfungsi dengan baik jika ia basah. Oleh itu, lagi lama sesebuah serunai ditiup, maka lagi baik mutu tiupannya atau kekal sepertimana bunyi semula jadi. Bahagian pipit diperbuat daripada daun lontar dan dibentuk seperti kipas (Hamzah Bin Yusof, 2022).

4.2 Proses-proses pembuatan serunai

1) Mendapatkan jenis kayu yang sesuai digunakan

Menurut Hamzah Bin Yusof (2022), sebelum menjalankan proses membuat serunai, pemilihan jenis kayu adalah menjadi faktor utama. Antara jenis kayu yang sesuai digunakan adalah kayu nangka, kayu duti, kayu cengal dan sebagainya. Namun, kayu nangka dikatakan adalah kayu yang paling sesuai digunakan untuk membuat batang serunai pada serunai. Manakala untuk membuat kecopong pada serunai adalah menggunakan kayu batang duri.




Gambar 4.8: Kayu batang duri

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

2) **Menjalankan proses memotong kayu**

Biasanya, kayu akan dipotong mengikut bentuk yang diinginkan, samada ingin membuat serunai anak mahupun serunai ibu. Proses pembuatan serunai ibu dan anak adalah sama, namun yang membezakan kedua-dua serunai tersebut adalah dalam bentuk saiz yang kecil dan besar. Proses membuat serunai adalah dimulakan dengan proses membuat batang serunai terlebih dahulu. Oleh itu, kayu nangka digunakan kerana sifat semulajadinya yang lebih lembut dan mudah dibentuk.



Gambar 4.9: Kayu yang telah dipotong bagi memudahkan proses membentuk serunai

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

3) **Proses pembentukan batang serunai**

Kayu yang telah dipotong akan dilekatkan pada mesin yang direka khas yang boleh berputar laju bagi memudahkan proses penggunaan pahat. Kemudian berlakunya proses pembentukan batang serunai yang dibentuk secara lurus serta dilarik dipermukaannya sepertimana yang dikehendaki.

4) Proses menggunakan pahat pada batang serunai

Kemudian jenis pahat nikam digunakan bagi membentuk urat yang halus pada bahagian atas batang serunai. Urat yang dihasilkan adalah tidak mengikut ukuran dan hanya dibuat mengikut anggaran si petukang.



Gambar 4.10: Menggunakan pahat tikam


(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Seterusnya, menggunakan pahat betul untuk membuat urat yang tebal pada bahagian atas batang serunai. Biasanya, urat yang dihasilkan adalah mengikut keupayaan dan kreativiti petukang, malah tidak terhad bilangan urat yang ingin dibuat.



Gambar 4.11: Menggunakan pahat betul

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)



Gambar 4.12: Menggunakan pahat nikam membentuk urat

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Bagi membentuk urat halus pada batang serunai, sekali lagi pahat nikam digunakan bagi memperoleh hasil yang diinginkan si petukang.

Penggunaan pelbagai jenis pahat adalah amat penting untuk membentuk urat-urat paad batang serunai.



Gambar 4.13: Pahat nikam digunakan membentuk urat halus

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Turut digunakan jenis pahat kuku bagi membentuk urat yang lebih menarik dan kemas, juga menampakkan kehalusan urat pada batang serunai.



Gambar 4.14: Menggunakan pahat kuku

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Seterusnya adalah proses menggunakan jenis pahat betul bagi merata dan melicinkan permukaan batang serunai. Proses menggunakan pahat betul pada batang serunai dilakukan secara berulang iaitu bermula dari bawah dan ke atas sehinggalah permukaan menjadi licin dan rata.



Gambar 4.15: Menggunakan pahat betul meratakan permukaan
(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Pada bahagian bawah batang serunai juga turut menghasilkan urat sebagai corak perhiasan pada batang serunai. Jenis pahat yang digunakan adalah pahat nikam yang tajam tirus bagi membentuk urat yang halus.



Gambar 4.16: Pahat nikam membentuk urat

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Proses seterusnya adalah masih menggunakan pahat nikam bagi membentuk urat sepertimana yang dikehendaki oleh petukang tersebut.



Gambar 4.17: Membentuk urat menggunakan pahat nikam

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Seterusnya adalah proses membentuk urat yang tebal menggunakan jenis pahat betul. Penggunaan pahat adalah penting bagi mendapatkan bentuk pada sebuah serunai.



Gambar 4.18: Menggunakan pahat betul meratakan urat

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Masih menggunakan pahat betul bagi melicín dan meratakan permukaan bahagian bawah batang serunai. Proses menggunakan pahat berterusan dijalankan sehingga mendapatkan hasil yang diinginkan.



Gambar 4.19: Menggunakan pahat betul merata dan melicinkan permukaan

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Akhirnya proses menggunakan pahat selesai setelah si petukang berpuas hati dengan hasil kerja yang dilakukan olehnya.



Gambar 4.20: Pembentukan batang serunai

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

5) **Proses menggunakan kertas pasir**

Kemudian proses menggunakan kertas pasir dilakukan bagi melicinkan permukaan batang serunai yang kasar sedikit ekoran dari penggunaan pelbagai jenis pahat (Hamzah Bin Yusof, 2022).



Gambar 4.21: Menggunakan kertas pasir pada permukaan batang serunai

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Turut menggunakan kertas pasir pada bahagian celah urat dan proses ini dilakukan berterusan sehinggalah batang serunai betul-betul menjadi rata dan licin.




Gambar 4.22: Kertas pasir digosok pada urat

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

6) **Proses membuat tebukkan dalaman**

Bagi proses membuat tebukkan dalaman pada batang serunai, alatan jenis penggesek digunakan. Penggesek merupakan alatan yang diperbuat dari kayu yang diikat tali bersama kikir berbentuk bulat. Proses ini bermula dengan meletakkan bahagian bawah batang serunai pada mata kikir, kemudian tali pada penggesek akan ditarik secara perlahan-lahan. Proses berterusan dijalankan sehinggalah berjaya membuat tebukkan dalaman mengikut tahap yang diperlukan. Penggunaan kikir berbentuk bulat adalah sangat penting bagi melicinkan pada bahagian tebukkan dalaman yang bertindak sebagai ‘saluran udara’ (Hamzah Bin Yusof, 2022).




Gambar 4.23: Menggunakan penggesek bagi tebukkan dalaman

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

7) **Proses melicinkan bahagian tebukkan dalaman**

Setelah membuat proses tebukkan dalaman, seterusnya adalah menjalankan proses bagi melicinkan dan membersihkan bahagian yang telah ditebuk dengan menggunakan alatan gerudi tangan. Pada bahagian mata gerudi tersebut akan dimasukkan ke dalam tebukkan dalaman dan proses tersebut dilakukan sehingga kepada kedalaman yang diinginkan petukang (Hamzah Bin Yusof, 2022).




Gambar 4.24: Menggunakan gerudi tangan

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

8) Membuat lubang pada batang serunai

Menurut Hamzah Bin Yusof (2022), proses seterusnya adalah proses tebukkan tujuh unit lubang petik dan satu lubang jerit pada permukaan batang serunai. Untuk membuat lubang-lubang tersebut, kikir pendek digunakan bagi memudahkan dan mempercepatkan proses tebukkan dilakukan.



Gambar 4.25: Menggunakan kikir pendek membentuk lubang pada batang serunai

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

9) Proses membuat kecopong

Manakala proses membuat kecopong juga menggunakan mesin. Turut digunakan adalah jenis pahat bagi menghasilkan urat pada permukaan kecopong. Ia samalah seperti proses membuat urat pada batang serunai (Hamzah Bin Yusof, 2022).

10) Membuat tebukkan dalaman pada bahagian kecopong

Tebukkan dalaman pada bahagian kecopong adalah menggunakan mesin gerudi yang dikhaskan untuk membuat tebukkan dalaman kecopong. Bahagian kecopong juga merupakan bahagian corong hujung serunai yang dihasilkan secara berasingan dari bahagian batang atau satu unit berasingan (Hamzah Bin Yusof, 2022).



Gambar 4.26: Menggunakan gerudi membuat tebukan dalaman kecopong

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

11) Proses ukiran pada permukaan batang serunai

Membuat ukiran pada permukaan batang serunai dengan menggunakan alat pengukir. Dari sudut motif serunai adalah masih menggunakan ragam hias pucuk rebung dan mempunyai pengaruh Siam dari segi reka bentuk keseluruhannya. Manakala turut digunakan juga motif awam larat yang menghiasi badan serunai (Hamzah Bin Yusof, 2022).



Gambar 4.27: Membuat ukiran pada batang serunai

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

Begitu juga dengan bahagian kecopong yang turut dihiasi dengan ukiran alam yang cantik dan menarik perhatian hasil dari bakat seni ukir si petukang.



Gambar 4.28: Bahagian kecopong yang diukir motif pucuk rebung

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

12) Proses mewarna pada serunai

Menurut Hamzah Bin Yusof (2022), seterusnya adalah menjalankan proses mewarna pada ukiran dan juga badan serunai. Jenis pewarna digunakan adalah jenis maker pen bagi mewarnakan setiap

ukiran yang dihasilkan, manakala semburan pula iaitu spray clear digunakan untuk menyembur pada bahagian badan serunai.



Gambar 4.29: Bahagian kepong yang diwarnakan

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

13) **Proses pemasangan menali, pipit dan penumpu pada serunai**

Pemasangan menali pada batang serunai adalah melalui lubang yang sedia ada ditebuk pada pangkal batang serunai dan ianya boleh dicabut dan dileraikan apabila perlu. Manakala bahagian penumpu pula dipasang pada bahagian atas menali sebagai penghadang antara pipit dan menali. Kemudian bahagian pipit yang diperbuat daripada daun lontar

dan dibentuk seperti kipas ini, juga mempunyai empat lapisan yang diikat secara berpasangan iaitu dua lapis sebelah dan kemudian dimasukkan pada penghujung menali (Hamzah Bin Yusof, 2022).



Gambar 4.30: Menali, pipit dan penumpu

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

14) Mencuba alat muzik serunai yang dihasilkan

Setelah selesai proses menghasilkan alat muzik serunai, kemudian petukang akan mencuba memainkan alat muzik tersebut agar dapat menghasilkan tiupan yang merdu, malah lebih menitikberatkan penampilan sesebuah serunai yang bakal ditiupnya. Melalui proses ini, mereka boleh membaiki setiap apa kekurangan yang terdapat pada alat muzik serunai (Hamzah Bin Yusof, 2022).



Gambar 4.31: Mencuba memainkan alat muzik serunai

(Sumber: Muhammad Firdhaus Bin Othman, Januari 11, 2022)

4.3 Fungsi serunai dalam Wayang Kulit

Menurut (Amir Pasaribu, 1953), mengikut kepercayaan masyarakat dahulu kala muzik bertindak sebagai alat hiburan yang berfungsi untuk menyempurnakan amalan magis mereka terdahulu. Masyarakat primitif melihat magis dalam bentuk muzik iaitu dari tiga sudut, pertama sudut irama, kedua sudut ulangan, dan ketiga sudut permainan muzik itu sendiri. Dilihat dari sudut irama, penekanan diutamakan terhadap corak irama yang terhasil oleh alat muzik. Dari sudut ulangan, merujuk kepada berapa kali ulangan yang dibenarkan dalam sesebuah lagu. Manakala dari sudut permainan pula merujuk

kepada bagaimana cara atau peraturan yang dilaksanakan dan peraturan ini khusus berfungsi untuk magis.

Selain itu, serunai memberi fungsi yang besar di dalam wayang kulit. Meriam (1964: 224-225), telah memberi tiga fungsi penting muzik dalam masyarakat dengan menyebut:

“enforcing conformity to the social norm, validating social institutions and religious ritual, and contributing to the continuity and stability of culture”.

Muzik akan mengukuhkan nilai normatif masyarakat, institusi sosial dan ritual keagamaan serta menyumbang kepada kesinambungan dan kestabilan budaya. Beliau juga bersetuju bahawa setiap komuniti mempunyai aktiviti yang menggunakan muzik untuk melibatkan ahli masyarakat dan menyatukan mereka. Merriam (1964). Berdasarkan sudut pandangan ini, adalah sangat penting untuk menyatakan fungsi serunai dari perspektif tradisional, pendidikan dan kontemporari.

Serunai merupakan alat melodi utama dalam muzik ensemble terutamanya dalam persembahan Wayang Kulit. Dari perspektif industri muzik, penggunaan serunai tidak lagi dianggap pelik dan tidak sumbang, kerana telah ada lagu-lagu yang digunakan khusus untuk situasi persembahan, seperti pembukaan persembahan dengan lagu Bertabuh (Hamzah bin Yusof, 2022).

Serunai ibu dan serunai anak digunakan dalam ensemble wayang kulit. Panjang serunai ibu adalah antara 50 hingga 60 cm. Ia bukan sahaja memainkan lagu rentak tetapi juga lagu "charator" atau lagu watak dalam wayang kulit

seperti lagu hulubalang, lagu anak panah dewa perang, lagu serama keluar dan lagu serama berjalan. Di samping itu, dalam proses pertukaran dalang muda kepada tok dalang tua, lagu pertukaran dalang akan dimainkan. Oleh itu, mengikut susunan lagu wayang kulit, serunai ibu didapati lebih berpengaruh berbanding serunai anak, kerana hanya mengekalkan vokal yang akan mengiringi penceritaan wayang kulit oleh dalang itu sendiri (Kamarudin Yusoff). , 2008).

Alat serunai juga berfungsi sebagai alat penghubung antara manusia dengan alam ghaib. Menurut Curt Sachs (1940), oleh kerana manusia berkait rapat dengan alam, maka irama dan lagu muzik digubal dari alam. Dalam hal ini, muzik dilihat menjadi penghubung antara manusia dengan alam ghaib, seperti dalam persembahan Wayang Kulit. Alam ghaib yang dihuni oleh hantu, jin, jembalang, puaka dan sebagainya akan merasa marah apabila mereka tidak dipuja. Oleh itu, bagi menghubungkan mereka ini maka dipercayai bahawa muzik serunai menjadi alat di samping muzik yang lain juga.

Dalam konteks pendidikan, terdapat beberapa sekolah yang telah memperkenalkan aktiviti muzik tradisional seperti kumpulan muzik Wayang Kulit sebagai aktiviti kokurikulum kepada para pelajar di samping aktiviti sebegini diiktiraf oleh Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bukan sahaja aktiviti kokurikulum sebegini terdapat di sekolah Kelantan, malahan di negeri-negeri yang lain juga turut mempunyai kumpulan muzik wayang kulit.

4.4 Kesimpulan

Alat serunai yang didapati berkembang di Kelantan dicipta dalam dua saiz yang berbeza. Serunai yang bersaiz panjang dikenali sebagai serunai ibu, manakala yang bersaiz pendek adalah serunai anak. Kedua-dua serunai tersebut mengeluarkan bunyi yang berbeza di mana pic suara serunai ibu adalah lebih pendek berbanding serunai anak. Walaupun mengalami perbezaan dari segi saiz, namun proses pembuatannya adalah tetap sama, malah tebukan dalamnya adalah berbentuk 'kon' dan ditebuk secara selari dengan bentuk luaran. Alat muzik serunai juga mempunyai fungsi yang besar terutamanya dalam persembahan wayang kulit.

BAB 5

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 PERBINCANGAN

Berdasarkan kepada kajian lapangan pengkaji, dapatlah pengkaji mengetahui jenis-jenis serunai yang terdapat di Kelantan. Ternyata hanya terdapat dua jenis serunai sahaja. Dalam pada itu, pengkaji juga berpeluang untuk mengetahui proses-proses penghasilan alat muzik serunai di mana telah menggunakan mesin yang telah direka khas bagi pembuatan serunai. Proses yang bermula dari pencarian jenis kayu, secara tidak langsung dapat mengetahui jenis kayu yang digunakan seperti kayu nagka, kayu manggis, angšana, batang duri, dan sebagainya. Kemudian turut didedahkan dengan penggunaan pelbagai jenis pahat bagi membentuk serunai, juga boleh mengetahui jenis ukiran yang digunakan pada permukaan serunai dan mengetahui jenis pewarna yang digunakan pada alat muzik serunai. Selain pengkaji juga dapat mengetahui fungsi alat muzik serunai dalam persembahan Wayang Kulit. Dalam pada itu, pengkaji juga turut menyatakan beberapa cadangan bagi memperkenalkan alat muzik serunai kepada generasi hari ini dan akan datang. Oleh itu, cadangan amatlah penting kerana alat muzik serunai mempunyai identitinya yang tersendiri jika dibandingkan dengan barangan luar.

5.1 Cadangan memperkenalkan alat muzik serunai

Dalam usaha untuk memperkenalkan alat muzik serunai Kelantan kepada generasi hari ini dan akan datang ialah:

5.1.1 Menerbitkan buku ilmiah yang menerapkan pelbagai aspek berkaitan alat muzik serunai yang boleh membantu kita semua dalam melengkapkan segala persoalan terhadap alat muzik serunai.

5.1.2 Pembuatan alat muzik serunai perlu dirancang dalam mempertingkatkan lagi pengeluaran terutamanya dari aspek jaminan kualiti yang lebih baik dan seterusnya menarik minat orang ramai untuk membeli alat muzik ini setiap masa.

5.1.3 Pemantauan daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap perusahaan ini amat penting dan diperlukan supaya perusahaan atau industri ini mendapat sambutan, juga bertahan lebih lama. Antara langkah yang boleh dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab adalah :

i) Topik dalam sistem pendidikan

Membuat penambahan topik berkaitan alat muzik serunai Kelantan dalam sistem pendidikan negara. Ini dapat membantu pelajar untuk mengenali dengan lebih jelas alat muzik serunai, di samping menarik minat mereka terhadap alat muzik tradisional yang diwarisi sejak turun temurun.

ii) Pengeluaran dan pemasaran

Pengeluaran terhadap alat muzik serunai Kelantan perlu dipertingkatkan supaya permintaan terhadapnya kian meningkat saban hari. Segala tempahan yang diperolehi samada dari dalam mahupun luar negeri perlu disiapkan dalam jangka masa tertentu sepertimana yang di rencanakan. Oleh itu, industri pembuatan serunai perlulah memperbesarkan dan meluaskan lagi keluaran alat muzik serunai secara maksima sebagai pemangkin kestabilan ekonomi negara serta memastikan keluaran produk hanya didapati di dalam negara sahaja iaitu buatan negara kita sahaja.

iii) Eksport

Dilihat dalam proses untuk mengeksport alat muzik tersebut, pemilihan jenis bungkusan adalah amat penting supaya barangan yang hendak dieksport tidak mengalami kerosakan malah selamat sampai kepada si yang membuat tempahan alat muzik serunai tersebut. Selain, pengurusan yang cekap juga amat diperlukan supaya pengeluaran alat muzik serunai Kelantan lebih teratur dan sistematik juga dapat dikawal.

iv) Penambahan reka corak motif serunai Kelantan

Penghasilan motif yang baru terhadap alat muzik serunai Kelantan mampu menarik perhatian masyarakat hari ini. Dalam konteks ini, ia adalah amat bersesuaian dengan peredaran zaman yang mengikut

trend terkini. Pembangunan yang kian maju, di tambah lagi dengan kemodenan yang berlaku pada masa sekarang, segala bentuk perubahan dan penambahan terhadap reka corak motif perlu diberi penyesuaian yang menarik terhadap alat muzik serunai yang dihasilkan.

V) Pihak penyelarasan

Pihak penyelarasan seharusnya menubuhkan wisma mahupun galeri seni yang mengumpulkan pelbagai jenis alat muzik tradisional, terutamanya alat muzik serunai Kelantan agar dapat dikenali oleh semua lapisan masyarakat. Kompleks yang didirikan juga adalah sebagai tempat yang boleh memasarkan alat muzik serunai kepada orang ramai dan juga menjadi pusat destinasi dan tumpuan pelancong dari pelbagai negara.

Selain itu, perlu juga menubuhkan pusat-pusat Latihan pembuatan serunai Kelantan dan penekanan harus diberikan kepada golongan muda agar mereka dapat mewarisi pembuatan muzik warisan.

Begitu juga dengan tenaga pengajar mestilah mencukupi dan berpengalaman dalam semua hal berkaitan dengan alat muzik serunai Kelantan.

5.2 Kesimpulan

Melalui penyelidikan ini, memperlihatkan pengkaji tentang daya imaginasi dan kreativiti tukang-tukang dalam menghasilkan sebuah serunai. Pengkaji juga dapat mengetahui alat muzik serunai yang mempunyai nilai yang tinggi kerana keasliannya tidak diubah, walaupun terdapat sedikit perbezaan dari segi proses pembuatan serunai oleh tukang-tukang. Namun, ia masih mengekalkan penggunaan pelbagai motif flora tradisional yang dilihat begitu menarik. Nilai tersebut perlu dikekalkan supaya mutu dan kualitinya sentiasa terjamin, di samping boleh dikomersialkan kepada peringkat yang seterusnya. Alat muzik yang dicipta dengan ketelitian dan kepakaran yang sebegitu rupa perlu diteruskan kelangsungannya walaupun dewasa ini masyarakat lebih menggemari muzik moden.

Selain itu, penyelidikan ini juga dapat meberikan sumbangan kearah pendokumentasian terhadap alat muzik serunai itu sendiri sebagai warisan masyarakat melayu dan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada masyarakat serta boleh dijadikan rujukan untuk kajian akan datang. Dalam konteks ini juga, penekanan yang lebih serius perlu diberikan kepada alat muzik serunai yang telah mendukung peranan yang banyak terutamanya dalam persembahan wayang kulit di Kelantan.

BIBLIOGRAFI

A) JURNAL

Kamaruddin Yusoff, (2015). *Teknik Permainan Serunai Dalam Konteks Pengajaran dan Pembelajaran Muzik Tradisional Wayang Kulit Kelantan : Satu Kajian Kes* : Sarjana Pendidikan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Mohd Hassan Abdullah, (2004). *Idiosyncratic Aspects of Malaysian Music: The Roles of the Kompang in Malay Society*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

A) BUKU

Alan P. Merriam. (1964). *The Anthropology of Music* : Northwestern University Press

A.Samad Ahmad, Peny. (1983). *Kerajaan Johor-Riau*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka

_____ (1983). *Sulalatus Salatin*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Amir Pasaribu, (1953). *Riwayat Muzik dan Musisi*. Jakarta: Gunung Agung

Curt Sachs. (1940). *He History Of Musical Instruments*. New York :W.W. Norton
And Co.

Kassim Ahmad, peny. (1966). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka.

Hood Hj Salleh. (1989). *Perubahan Tradisional Melayu*. Kertas Kerja yang
dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu di Universiti
Malaya.

Nordin Selat (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur : Utusan Melayu
(M) Berhad

Nik Mustapha Nik Mohd Salleh. (2009). *Alat Muzik Tradisional Dalam
Masyarakat Melayu Di Malaysia*. : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
(JKKN)

Mohamed Ghouse: (1994). *Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal* : Abad ke-21, 6,9

Profesor Mohamed Ghouse Nasaruddin. (2000). *Alat Muzik Tradisional: Daya dan Bunyi* : Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia

B) TEMUBUAL

Hamzah Bin Yusoff (2022), temubual bersama beliau di rumahnya yang beralamat Kampung Gelang Mas, 17010 Pasir Mas, Kelantan pada 11 Januari 2022.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN